

15/02/2004

Kedah tuntutan LTdL kembali ke Langkawi

Wan Jailani Razak

KERAJAAN Kedah mahu Le Tour de Langkawi dapat dikembalikan ke Langkawi sebagai tempat pemula seperti lazim dilakukan sebelum ini dan bukan hanya tinggal nama.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata ia perlu dikekalkan di Langkawi kerana LTdL sudah sinonim dengan nama pulau peranginan itu.

"Kita akan membuat rayuan mengenai hasrat (mengembalikan tempat pemula LTdL ke Langkawi) ini nanti. Kita mahu LTdL juga kekal di Langkawi seperti Regatta Perdana (Antarabangsa Langkawi), Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi dan Ironman Malaysia Langkawi.

"Lagi pun keadaan ekonomi dunia sekarang sudah pulih. Tidak ada lagi kejadian buruk," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Regatta Perdana Antarabangsa Langkawi (RPAL) 2004 di Dataran Lang malam kelmarin.

Edisi kesembilan LTdL 2004 pada 6 Februari lalu bermula di Bayan Baru, Pulau Pinang dan berakhir di Dataran Merdeka Kuala Lumpur, membabitkan jarak kayuhan 1,250km.

Sejak dipertandingkan pada 1996, LTdL berkembang menjadi satu kejohanan berprestij dengan penampilan ramai pelumba dari kelab profesional seluruh dunia di samping menarik perhatian jagoan-jagoan speda Asia.

Ia sudah menjadi acara ditunggu-tunggu saban tahun oleh rakyat negara ini kerana peluang menyaksikan pelumba dunia bertarung di laman mereka sendiri berikutan konsep perlumbaan yang berbentuk jelajah dalam LTdL.

Mengenai RPAL, Syed Razak berkata ia adalah satu acara yang baik kerana dapat membabitkan kanak-kanak berusia bawah 12 tahun dalam sukan penuh cabaran seperti perahu layar.

"Kita ikut nasihat Tun Dr Mahathir Mohamad supaya orang Malaysia suka pada regatta. Sebab itu kita bukan saja cakap fasal regatta, kita juga ada beberapa marina dan kelab perahu layar.

"Sekarang kita ada lebih enam marina bertaraf antarabangsa bagi membangunkan sukan air. Ia adalah antara sukan yang boleh kita bertanding di peringkat antarabangsa," katanya.

Menteri Besar itu berkata sukan perahu layar tidak terlalu banyak menggunakan tenaga, sebaliknya lebih banyak menguji keupayaan pelayar mengendalikan perahu layar.

Beliau sehubungan itu berharap kerajaan terus memberikan sokongan kepada persatuan perahu layar memandangkan potensi negara untuk muncul juara di peringkat antarabangsa.